



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PAKEJ '*EVERLASTING LOVE*'
MELAKA RIVER CRUISE
ANJURAN PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI
DAN PANTAI MELAKA (PPSPM)
TARIKH: 12 DISEMBER 2021 (AHAD), MASA: 8.30 MALAM
DI JETI TAMAN REMPAH, MELAKA.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel Bin Mohamad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani Bin Khamis,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelancongan, Warisan dan
Kebudayaan;

Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Enggan,
Pegawai Undang-undang Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Zaidi bin Johari,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;

Barisan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia, Datuk TPr. Haji Murad Bin Haji Husin,
Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka
(PPSPM);

Ketua-ketua Jabatan, Agensi Negeri dan Persekutuan,
Pengerusi Persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO);

Dif-dif jemputan, rakan-rakan media;

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati
sekalian;

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir di **Majlis Pelancaran Pakej ‘*Everlasting Love*’ Melaka River Cruise** anjuran **Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM)**.
2. Keduanya, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua khususnya kepada para pelancong yang hadir sama berkunjung ke Bandaraya

Melaka Bersejarah pada hari ini dengan serangkap pantun,

***Menggamit dunia selamat datang,
Bunga negeri Kesidang mewangi,
Dari seluruh negara tuan puan datang,
Kami di Melaka sedia menanti.***

3. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak PPSPM kerana telah berusaha memperkenalkan produk-produk dan pakej pelancongan baharu bagi memperhebatkan lagi sektor pelancongan di Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Sejarah menjadi saksi bahawa Sungai Melaka pada abad ke-13 iaitu pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka, merupakan jalan air utama perdagangan. Pelabuhannya dibanjiri para pedagang dan pelayar dari seluruh pelusuk dunia dan telah membuka peluang dan memberi manfaat yang cukup besar kepada penduduk di Melaka ketika itu.

5. Sungai Melaka telah menjadi nadi perhubungan dan pengangkutan serta pembangunan ekonomi yang cukup penting. Peranannya, telah menjadikan Sungai Melaka sarat dengan ceritera dan kaya pengalaman.

6. Menurut *Tome Pires* dalam bukunya bertajuk *Suma Oriental* (Dunia Timur) bahawa, **“Whoever is the lord of Melaka, has his hand on the throat of Venice”**. Maksudnya, **“Siapa jua yang berkuasa di Melaka, bermakna mereka boleh menguasai Venice.”**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Syukur Alhamdulillah, pada **18 Oktober 2021** yang lepas, Negeri Melaka telah pun beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kita “**tidak menangan**” menerima kunjungan para pelancong dari luar Negeri Melaka. Insya-Allah, dengan kemasukan ramai pelancong, sektor ekonomi khususnya sektor pelancongan Negeri Melaka akan kembali pulih.

8. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Melaka merupakan negeri pelancongan yang menjadi penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka iaitu sebanyak **empat puluh lapan peratus (48.0%)** pada tahun 2019.

9. Berdasarkan rekod, bermula **1 Januari 2021** sehingga **30 November 2021**, Negeri Melaka telah menerima kehadiran seramai **1,303,582** juta orang pelancong dari dalam dan luar Negeri Melaka. Daripada jumlah tersebut, premis penginapan termasuk hotel dan inap desa (*homestay*) mencatatkan seramai **358,776** pengunjung, hospital swasta **404,665** dan tempat-tempat tarikan pelancong seramai **540,141**.

10. Saya turut dimaklumkan, *Melaka River Cruise* yang dikenali sebagai ikon pelancongan Negeri Melaka yang popular juga telah mencatat kedatangan pelancong seramai **212,121** bermula **1 Januari 2021** sehingga **7**

Disember 2021. Daripada pencapaian pengunjung tersebut, peratusan **pelancong domestik** adalah sebanyak **sembilan puluh lapan peratus (98%)** manakala **pelancong antarabangsa** sebanyak **dua peratus (2%)**.

11. Bukan itu sahaja, *Melaka River Cruise* juga telah mendapat pengiktirafan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia dan *Tourism Productivity Nexus* menerusi Program *Free Covid-19 Destination*. Kerajaan Negeri juga akan memastikan pematuhan SOP ini

terus dilaksanakan bagi mencegah penularan COVID-19.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Usaha Kerajaan Negeri Melaka menaik taraf dan memajukan Sungai Melaka dengan pelbagai kemudahan dan pengisian aktiviti sejak sekian lama, tidak sia-sia. Kemajuan dan perkembangan Sungai Melaka kini menjadi salah satu ikon tarikan pelancong utama negara amnya dan Melaka khususnya yang berjaya menggamit dan menawan hati pelancong, baik dari dalam mahupun luar negara.

13. Pelbagai pakej dan produk baharu akan diperkenalkan oleh Badan Pelancongan Negeri Melaka termasuk Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM). Pada 23 Oktober 2021 yang lalu, *Melaka River Cruise* telah melancarkan pakej **Pit Stop** yang mana pelancong boleh menggunakan perkhidmatan bot sehari di sepanjang **14** jeti Sungai Melaka **Fasa 1**. Pakej ini amat menarik dan boleh memudahkan pergerakan pelancong ke lokasi-lokasi pelancongan di sekitar bandar Melaka.

14. Pada malam ini pula, satu produk yang istimewa akan dilancarkan iaitu **Pakej *Everlasting Love Boat*** yang pasti menjadi pilihan utama kepada pasangan romantis untuk menyambut hari-hari istimewa mereka seperti ulang tahun perkahwinan, sambutan hari jadi, persediaan melamar bakal isteri dan sebagainya.

***Pakej “Everlasting Love Boat” majlis dirai,
Kenangan manis terpahat di sanubari,
Semoga kebahagiaan kekal abadi,
Melaka River Cruise pilihan hati.***

15. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Datuk EXCO, tuan-tuan dan puan-puan sudah boleh membuat tempahan ***Everlasting Love Boat*** untuk menyambut ulang tahun perkahwinan masing-masing, dengan 3 pilihan iaitu ***Pakej Emerald, Pakej Gold*** dan ***Pakej Diamond***.

16. Bukan itu sahaja, saya dimaklumkan oleh **Datuk TPr. Haji Murad**, dalam masa terdekat ini bakal menyusul pula produk terbaru iaitu **“Pakej Bot Loncat-loncatlah”**.

17. Produk ini akan memberikan kemudahan kepada pengunjung dan rakyat Negeri Melaka khususnya untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi di jajaran Sungai Melaka sejauh **10 kilometer**. Sama-sama kita nantikan pelancarannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

18. Saya yakin dan percaya, perkembangan pesat sektor pelancongan ini akan memberi limpahan manfaat bukan sahaja kepada pengusaha hotel dan pengusaha produk pelancongan, bahkan kepada penarik beca,

penjual kraf tangan, pemandu teksi, pengusaha restoran serta peniaga warung.

19. Sesungguhnya, ini merupakan usaha dan aku janji pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan manifesto yang ditawarkan tempoh hari dapat dinikmati rakyat demi kemakmuran ekonomi Negeri Melaka.
20. Akhir kata, saya memohon kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua lapisan masyarakat agar bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam mempromosikan Melaka sebagai sebuah destinasi pelancongan yang wajib dilawati selaras dengan tema

“Melaka Is The Place To Be” dan **“Melaka Safe Haven”**. Marilah kita menerapkan nilai **‘Think Tourism and Act Tourism’** ke arah menggiatkan usaha mempromosi **Negeri Melaka** sebagai destinasi pelancongan utama negara dan dunia.

21. Dengan lafaz kalimah suci **‘Bismillahirrahmannirrahim’**, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Pakej Everlasting Love Boat Melaka River Cruise***, **Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (PPSPM)**.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Wassallamualaikum

-TAMAT-

